

UKM tunggu arahan ³

21 JUL 1987

UNIVERSITI Kebangsaan Malaysia (UKM) bersedia memberi pengecualian kepada pesilat wanita kebangsaan, Siti Anida Mahadi menjalani latihan pusat peringkat ketiga Ogos ini sekiranya mendapat arahan daripada Kementerian Pendidikan *Penitip/1987*

Siti Anida tidak mengikuti latihan pusat peringkat kedua pada 10-20 Julai. **B. Harian (M)**

UKM bukan sengaja menghalang pesilat itu mengikuti latihan pusat

ke Jakarta September ini, tetapi terpaksa akur dengan peraturan.

Bagaimanapun, UKM memberi jaminan untuk melepaskan penyertaan pesilat itu ke Jakarta nanti.

Dekan Fakulti Sains Kemasyarakatan, Prof Dr Zakaria Awang Soh, menegaskan pihak universiti tidak dapat melepaskan Siti Anida untuk mengikuti latihan pusat itu bagi mengelakkan keciciran kuliah.

"Kami memahami peranan Siti Anida yang

akan membawa cabaran negara di Sukan SEA, malah turut berbangga kerana dia adalah pelajar UKM," jelasnya.

Beliau memberikan kenyataan ini mengulas Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) yang meminta UKM memberi pertimbangan sewajarnya.

"Mengikut peraturan UKM, mereka yang gagal mengikuti 75 peratus kuliah dalam masa yang ditetapkan, tidak dibenarkan menjalani peperiksaan," ujarnya.

Pesaka
22 JUL 1987
terpaksa
B. Harian (M)
ketepikan
Abdullah

Penitip/1987
PERSEKUTUAN Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) terpaksa menyetepikan jaguh silat kebangsaan, Abdullah Mohammed dalam Kejohanan Silat Antarabangsa di Kuala Lumpur Disember ini kerana terpaksa akur dengan prinsip pertubuhan, *lapor Rahime Yusoff*.

Pesaka hanya memilih pesilat yang menjuarai kejohanan peringkat kebangsaan sahaja untuk mewakili negara. Pesilat yang gagal mempertahankan kejuaraannya dalam setiap kejohanan kebangsaan dengan sendiri tersingkir daripada pasukan.

Kegagalan Abdullah menyertai Kejohanan Silat Kebangsaan di Kuala Terengganu Disember lalu kerana ditimpa kecederaan (patah) tangan, secara automatik tersingkir dalam senarai pesilat kebangsaan.

Kecederaan itu dialami ketika berusaha memenangi pingat gangsa dalam Kejohanan Silat Antarabangsa di Vienna tahun lalu.

Abdullah juga turut tersingkir daripada mewakili negara dalam Sukan SEA di Jakarta pada 9-20 September ini.

Bagaimanapun kecederaan Abdullah yang memenangi Olahraga-

wan Kelantan 1986 sudah pulih sepenuhnya.

Penolong setiausaha Pesaka, Sulaiman Sarjan, memberitahu, pihaknya terpaksa akur dengan keputusan yang ditetapkan ketika penubuhan Pesaka.

Katanya, Pesaka hanya memilih pesilat yang menjuarai kejohanan kebangsaan sahaja mewakili negara seperti yang terkandung dalam peraturan pertubuhan.

"Kami lebih mementingkan kemampuan pesilat kerana silat adalah berbeza dengan sukan-sukan lain termasuk pelbagai seni mempertahankan diri di negara ini," jelasnya.

Menurutnya, Pesaka tetap memelihara prinsip yang sudah ditetapkan bagi mengelakkan pertikalalan yang boleh merosakkan imej pertubuhan.

Beliau menambah, Abdullah tetap mempunyai peluang mewakili negara sekiranya berjaya menjuarai kejohanan peringkat kebangsaan tahun depan.

Sulaiman berkata, Pesaka tidak menghadapi masalah tanpa penyertaannya kerana kekosongan itu sudah diisi oleh jaguh silat baru.

Bagaimanapun tambahan, Pesaka tidak pernah melupakan jasanya yang berjaya menaikkan imej negara sebelum ini. "Kami terpaksa akur dengan prinsip yang sudah dibuat," tegasnya lagi.

4 pesilat
ada
kaitan
di Johor

30 JUL 1987

EMPAT orang anggota silat yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri Jun lalu kerana menyebarkan khabar angin dan membuat persiapan untuk melancarkan rusuhan kaum mempunyai hubungan dengan sebuah kumpulan silat di Skudai, Johor.

Malah, semasa mereka berlatih di Skudai dengan kumpulan Budi Suci Sejati (BSS) itu, mereka telah diberi jaminan bahawa sekiranya terjadi rusuhan kaum di Singapura, BSS di Kuala Lumpur dan Johor akan membantu.

Pelibatan mereka dengan sebuah kumpulan dari luar itu didedahkan oleh Menteri Dalam Negeri merangkap Menteri Kedua Undang-Undang, Profesor S. Jayakumar dalam Parlimen semalam.

Beliau berkata demikian sebagai menjawab soalan Encik Zulkifli Mohammed (Eunos) sama ada terdapat pelibatan asing atau tidak dalam penahanan Maznan Awi, Mohd Noor Kasmadi, Abdul Gani Abdul Rahman dan Mohd Jumaat Ramad.

Menurut Profesor Jayakumar, Maznan telah diminta secara khusus untuk memilih 10 orang ahli silat Singapura ke Johor untuk latihan kebatinan.

"Mujur juga kumpulan itu ditahan sebelum Maznan dapat mengumpulkan 10 orang ahli silat yang sepatutnya mengajar ahli-ahli silat di Singapura," ujar beliau.